



ULASAN

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

2013

A. LATAR BELAKANG

Tahun 2013 yang diumumkan sebagai tahun pelaksanaan sepenuhnya transformasi operasi telah memperlihatkan hasil dan kejayaan yang amat memberangsangkan. Pembaharuan dan pengukuhan yang diperkenalkan termasuk kaedah penyiasatan secara berpasukan, penggunaan bilik temu bual berveideo (VIR) semasa proses rakaman percakapan saksi/tertuduh, penggunaan kaedah forensik perakaunan dan sebagainya telah melonjakkan prestasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) secara keseluruhannya. Dalam masa yang sama, imej dan keyakinan masyarakat terhadap SPRM semakin meningkat dan tindakannya turut dihargai.

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) memberi perhatian sepenuhnya terhadap usaha giat SPRM meneruskan momentum transformasi sepanjang tahun 2013. LPPR menyokong langkah perubahan dan penambahbaikan yang dilaksanakan untuk mengukuhkan dasar, peraturan, struktur, proses serta modal insan yang bakal melonjakkan prestasi SPRM dan memantapkan operasinya.

Dalam menjalankan tugas menasihati SPRM tentang dasar dan strategi, ahli-ahli LPPR meneliti setiap cadangan yang dikemukakan dan memberi maklum balas pakar bagi memastikan keberkesannya.

LPPR yakin bahawa dengan strategi yang tepat dan komitmen yang tidak berbelah bagi, SPRM akan menjadi sebuah agensi pencegahan rasuah yang berwibawa serta disegani. Ini akan meningkatkan keyakinan masyarakat untuk memberi kerjasama dan menyokong segala usaha memerangi rasuah dalam negara.

B. ULASAN

PENCAPAIAN

a. Kelangsungan Transformasi

SPRM terus memperkukuhkan aspek dalaman organisasi bagi mendepani cabaran lebih besar dalam usaha memerangi rasuah. Transformasi secara berterusan yang meliputi bidang utama termasuk undang-undang, perjawatan, modal insan, kaedah penyiasatan, sistem pengurusan aduan dan operasi dilaksanakan secara berperingkat sejak fasa transformasi bermula pada tahun 2012.

LPPR amat prihatin terhadap keberkesanan transformasi SPRM yang berteraskan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme. Antara kaedah transformasi yang diberi keutamaan ialah penyelesaian sesuatu kes secara lebih sistematik dan strategik melalui pendekatan Pengurusan Siasatan Berkesan.

LPPR sedia maklum bahawa penambahbaikan kaedah siasatan telah memberi impak yang jelas, antaranya kadar sabitan kes rasuah telah meningkat daripada 54 peratus pada tahun 2009 kepada 84 peratus pada tahun 2013. Penggunaan Bilik Temu Bual Bervideo (VIR) di semua pejabat SPRM memudahkan kerja-kerja siasatan secara berpasukan dan dapat mempercepatkan proses penyiasatan.

b. Pengiktirafan Antarabangsa

Tahun 2013 melakar pencapaian penting bagi SPRM dari segi aspek antarabangsanya apabila Malaysia sekali lagi menerima pengiktirafan antarabangsa hasil penilaian Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Berkenaan Dadah dan Jenayah (UNODC) ke atas Bab III dan IV Konvensyen Pencegahan Rasuah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCAC) pada Mei 2013. Laporan penilaian UNODC telah memperakui 23 kejayaan dan amalan terbaik negara ini dalam menentang rasuah.

Pengiktirafan antarabangsa juga diterima oleh Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM yang dilantik sebagai Naib Presiden International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA) sempena Persidangan Tahunan Ke-Tujuh di Panama pada November 2013. Pelantikan ini merupakan pengiktirafan kedua di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2012 beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Pentadbir Akademi Pencegahan Rasuah Antarabangsa (IACA) yang berpusat di Vienna.

LPPR ingin mengucapkan tahniah kepada SPRM dan Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, khususnya.

c. Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah

Pencapaian Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa (CPI) bagi tahun 2013 menunjukkan kedudukan di tangga 54 daripada 176 buah negara, berbanding tangga ke-60 daripada 183 buah negara bagi tahun 2012.

LPPR berpendapat bahawa Kerajaan dan SPRM dapat terus memperkukuhkan inisiatif membanteras rasuah agar dapat meningkatkan keyakinan masyarakat dalam dan luar negara akan kejayaan usaha pelbagai program yang telah dilaksanakan.

d. Penubuhan Unit Integriti di Kementerian dan Agensi

LPPR menyambut baik tindakan Kerajaan mewajibkan setiap agensi awam menubuhkan Unit Integriti masing-masing sebagai inisiatif mengawal dan mempertingkatkan kewibawaan kakitangan awam mulai 1 Ogos 2013. Sekali gus langkah proaktif ini akan memperkasa tadbir urus penjawat awam dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

Sehubungan dengan itu, SPRM telah dipertanggungjawabkan untuk membentuk model yang bersesuaian dan melaksanakan penarafan risiko agensi terlibat bagi setiap tiga tahun. SPRM ditugaskan untuk melatih pegawai SPRM dan pegawai-pegawai dari agensi lain yang akan ditempatkan di Unit Integriti berkenaan.

e. Sokongan Berterusan Pelbagai Pihak

Dalam membantu SPRM melaksanakan tugasnya dengan lebih efisien dan berkesan sepanjang tahun 2013, LPPR telah membuat pertemuan bersama Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, ahli parti politik serta wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan. Antara isu-isu yang telah dibincangkan adalah mengenai pengisian jawatan, pendakwaan kes-kes rasuah di mahkamah, pengurusan bajet dan sokongan padu terhadap usaha membanteras rasuah yang dilaksanakan oleh SPRM.

LPPR mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan persetujuan dan sokongan ke atas usaha dan tindakan SPRM melaksanakan tugas statutorinya.

CADANGAN

Tahun 2013 telah mencatatkan pelbagai kejayaan dan cabaran yang boleh dijadikan sebagai panduan dan hala tuju ke tahun-tahun yang seterusnya. LPPR ingin mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan beberapa usul bagi kepentingan SPRM dalam jangka panjang.

a. Proses Tapisan Keutuhan

LPPR berpandangan bahawa nama-nama calon yang dicadangkan bagi mengisi jawatan penting seperti Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di Syarikat Berkepentingan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Milik Kerajaan (GOC) harus dikemukakan kepada SPRM untuk melalui proses Tapisan Keutuhan. Selain daripada memastikan calon yang berkenaan mempunyai sahshiah dan rekod perkhidmatan yang bersih, berintegriti dan bebas daripada jenayah rasuah, dasar ini juga akan selari dengan proses tapisan yang dilalui oleh peringkat lain pegawai perkhidmatan awam.

b. Salah Laku Penjawat Awam

LPPR memandang serius isu ketirisan dan kelemahan pengurusan kewangan Kerajaan seperti yang dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2013. SPRM menerima tekanan daripada masyarakat, pihak media dan ahli-ahli politik seolah-olah SPRM tidak menjalankan penyiasatan terhadap isu-isu yang dibangkitkan di dalam LKAN.

Penubuhan jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Peguam Negara adalah satu usaha yang signifikan dan proaktif agar isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN tidak berulang. Pada masa yang sama, hasil usaha bersama SPRM dengan lain-lain agensi Kerajaan, tindakan penambahbaikan sistem dan prosedur serta tatacara kerja bagi mengurangkan risiko, ruang dan peluang gejala rasuah telah diambil.

LPPR ingin menekankan keperluan mewujudkan undang-undang khas bagi menangani salah laku penjawat awam (*Public Misconduct*) yang membuat keputusan dengan membelakangi peraturan serta kepentingan awam. LPPR menyarankan tindakan segera diambil untuk merealisasikan cadangan ini.

c. Kesalahan di bawah Liabiliti Korporat

LPPR juga mendapati bahawa salah satu daripada kelemahan dalam undang-undang sedia ada ialah ketiadaan peruntukan khusus berhubung liabiliti korporat. Peruntukan ini perlu bagi memastikan syarikat tidak terlepas daripada pendakwaan dan hukuman walaupun rasuah dilakukan oleh kakitangan atau ejennya.

LPPR bersependapat dengan SPRM bahawa liabiliti korporat ini harus diperluaskan kepada sektor swasta juga dan tidak terhad kepada sektor awam. Tanpa peruntukan liabiliti korporat, hanya individu tertentu dalam syarikat menanggung implikasi pendakwaan dan hukuman, dan syarikat yang mendapat manfaat tersebut dilepaskan begitu sahaja.

Dengan adanya peruntukan undang-undang yang khusus, syarikat swasta akan lebih peka bagi memastikan entiti perniagaan dan pegawai mereka tidak terlibat dengan kesalahan rasuah dan risiko pendakwaan dan hukuman.

d. Tindakan Tatatertib Bagi Kesalahan Rasuah

LPPR mengambil maklum mengenai isu keengganan/kelewatan mengambil tindakan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib sesuatu Kementerian atau Jabatan Kerajaan serta hukuman yang tidak setimpal yang dikenakan terhadap seseorang pegawai awam yang terlibat dengan kesalahan rasuah. Seharusnya, Lembaga Tatatertib perlu prihatin tentang kerugian dan kesan negatif akibat daripada kegiatan rasuah tersebut.

LPPR menyedari bahawa SPRM tidak boleh memaksa mana-mana Kementerian atau Jabatan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib semata-mata berasaskan Laporan SPRM. Kementerian atau Jabatan Kerajaan perlu menyiasat kes berkenaan dan membuat keputusan sewajarnya.

LPPR juga ingin mencadangkan supaya hukuman yang dikenakan ke atas mana-mana penjawat awam yang didapati bersalah atas pertuduhan tatatertib, adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan demi mewujudkan elemen pencegahan (*deterrence*).

e. Pemakaian Rakaman Video

LPPR menyokong harapan SPRM supaya dengan kemudahan bilik temu bual berveideo atau *Video Interview Room (VIR)* di semua pejabat SPRM, ia sekali gus dapat menangkis tohmahan berkaitan penderaan, paksaan, dorongan dan ugutan semasa proses siasatan dijalankan.

LPPR ingin mengesyorkan bahawa adalah wajar rakaman VIR tersebut yang mengandungi keterangan percakapan pihak yang disiasat atau saksi diterima pakai sebagai keterangan di mahkamah.

CABARAN SEMASA

LPPR sedia maklum bahawa sebahagian daripada kerja-kerja SPRM seperti siasatan, pendakwaan dan ujian makmal memerlukan kerjasama dan bantuan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi tertentu. Untuk memastikan operasi SPRM berjalan lancar dan proses penyelesaian sesuatu kes dapat dipercepatkan, jalinan kerjasama dan struktur komunikasi dengan Kementerian/Jabatan/Agensi tersebut harus dipertingkatkan.

LPPR menyokong langkah SPRM mengadakan pertemuan/perbincangan dengan parti-parti politik serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memperjelaskan bidang kuasa dan tugas statutori SPRM di samping mendapat cadangan untuk menangani masalah rasuah.

Tindakan bersepadu daripada segenap lapisan masyarakat akan dapat meningkatkan kefahaman mereka berhubung peranan dan tanggungjawab sebenar SPRM. Sekali gus membuka ruang untuk mereka bersama-sama SPRM berganding bahu membanteras jenayah rasuah di negara ini.

C. RUMUSAN

LPPR merakamkan ucapan tahniah serta syabas atas usaha gigih SPRM sepanjang tahun 2013 untuk membanteras jenayah rasuah. Tanggungjawab mencegah jenayah rasuah dan penyelewengan kuasa merupakan amanah yang berat dan memerlukan dedikasi serta komitmen yang tidak berbelah bagi. Adalah diperhatikan, di bawah kepimpinan Ketua Pesuruhjaya, barisan Pengurusan Tertinggi serta komitmen warga SPRM, tanggungjawab ini dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Seterusnya, LPPR mengalu-alukan kerjasama dan sokongan padu semua pihak bagi membantu SPRM dalam usahanya mencegah jenayah rasuah demi memperkukuhkan integriti negara dan meletakkan Malaysia di kalangan negara yang maju dan berwibawa.

LAMPIRAN A

TERMA RUJUKAN LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

- a) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- b) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya untuk membanteras rasuah;
- c) Untuk menerima, meneliti dan memperakukan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya;
- d) Untuk meneliti dan memperakukan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesannya;
- e) Untuk meneliti Laporan Tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah; dan
- f) Untuk mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah.

LAMPIRAN B

SENARAI AHLI

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH



**Puan Sri Zaitun
Zawiyah Puteh**
Mantan Peguam Cara Negara
(Pengerusi)



**Tan Sri Datuk Amar (Dr.)
Haji Hamid Bugo**
Mantan Setiausaha Kerajaan
Negeri Sarawak



**Prof. Ulung Tan Sri
Dr. Mohd Kamal Hassan**
Mantan Rektor Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia (UIAM)



**Tan Sri Dato' Sri Mohamed
Jawhar Hassan**
Pengerusi
New Straits Times



**Tan Sri Dato' Seri Megat
Najmuddin bin Haji Megat
Khas**
Presiden Institut Tadbir Urus
Korporat Malaysia



**Tan Sri Datuk Seri Panglima
Simon Sipaun**
Mantan Pesuruhjaya
Suruhanjaya Hak Asasi
Manusia Malaysia (SUHAKAM)



Tan Sri Datuk Yong Poh Kon
Pengarah Urusan Royal
Selangor International
Sdn Bhd



Tan Sri Ismail Adam
Mantan Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam

SENARAI AHLI LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH



**Tan Sri Rashpal Singh a/l
Jeswant Singh**
Timbalan Pengerusi
Knight Capital Sdn. Bhd.



**Tan Sri Dato' Dr. Michael
Yeoh Oon Kheng**
Ketua Pegawai Eksekutif
*Asian Strategy & Leadership
Institute (ASLI)*



**Prof. Ulung Datuk
Dr. Shamsul Amri Baharuddin**
Prof. di Universiti Kebangsaan
Malaysia



**Tunku Abdul Aziz
Tunku Ibrahim**
Pengasas
Transparency International
Malaysia



Dato' (Dr.) Anwar Fazal
Pegarah Kolej Right
Livelihood
Universiti Sains Malaysia



Datin Halimah Mohd Said
Presiden *Association of
Voices of Peace, Conscience
and Reason (PCORE)*



**Tuan Chelvarajah
Ramasamy Reddiar**
Konsultan di Sault and Co.
Peguambela dan Peguamcara



**Tan Sri Hj. Abu Kassim
bin Mohamed**
Ketua Pesuruhjaya SPRM
(*ex-officio*)



101001101101011110101011011111

110110101111010101

101001101101101111010101

110110101111010101

10100110110101111010101

01101011

0110101111010101101001101101011110